

**INISIATIF PENAMBAHBAIKAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA
TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN FASILITI FIZIKAL
DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI PAROI**

FAZLIYANA ALIAS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

INISIATIF PENAMBAHBAIKAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA
TERHADAP KUALITI PERKHIDMATAN FASILITI FIZIKAL
DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI PAROI

FAZLIYANA ALIAS

Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Sains Pengurusan Aset dan Fasiliti

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2020

DEDIKASI

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih

Kepada Bonda tersayang,

Puan Hajjah Siti Salmiah binti Hj Talib

Yang sentiasa memberi dorongan dan sentiasa mendoakan saya

Kepada suami tercinta

Mohd Nizam b Zainal

Yang sentiasa memberi sokongan dan sentiasa ada dalam apa jua keadaan

Kepada anak-anak yang dikasihi,

Muhammad Nur Firdaus, Aiman Haikal, Alif Fazzuan, Ahmad Nur Daris

Yang sentiasa memberi kekuatan dan memahami.

Kepada rakan-rakan seperjuangan,

Yang sentiasa membantu ketika susah dan senang.

Kepada penyelia,

Sr Dr Mohd Nadzri bin Jaafar

Yang telah banyak membantu melancarkan kajian ini

Tidak dilupakan kepada **Ketua Jabatan, Pengurusan Tertinggi, Pengarah Penilaian Negeri Selangor dan Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Malaysia**

Yang telah memberi peluang dan kerjasama sepenuhnya sepanjang tempoh pengajian 2018-2020

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan berkat dan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan kajian ini. Setinggi -tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana petunjuk yang diberikan oleh-Nya dalam proses menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Sr. Dr. Mohd Nadzri bin Jaafar di atas bimbingan, tunjuk ajar, bantuan dan dorongan yang tidak terhingga diberikan olehnya sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada para pensyarah lain yang sentiasa bersedia berkongsi ilmu dan pendapat dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Buat sahabat seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan berkongsi ilmu, saya ucapkan jutaan terima kasih atas segala pertolongan yang diberikan. Buat Sahabatku Sr Dr Hafiszah Ismail, terima kasih atas bantuan dan mohon dihalalkan ilmu yang dicurahkan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban YBhg Dato' Haji Zazali Salehudin, rakan-rakan di Majlis Bandaraya Seremban, JPPH dan INSPEK di atas kerjasama, sokongan dan idea yang diberikan untuk melengkapkan tesis ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan khas buat suami tercinta Mohd Nizam bin Zainal di atas pengorbanan, doa restu, kesabaran dan sokongan yang tidak terhingga. Buat arwah abah, arwah ayah, arwah ibu mertua, bonda tersayang dan keluarga, terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan ini. Akhir sekali untuk semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Kerjasama dan jasa kalian amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kepuasan pengguna atau pelanggan merupakan satu aspek penting yang sering diberi perhatian oleh para penyedia perkhidmatan di mana mutu perkhidmatan yang disediakan oleh sesuatu organisasi dapat dinilai dan ditambah baik berdasarkan pandangan yang diperoleh daripada pengguna atau pelanggan. Kajian berhubung kepuasan pengguna terhadap sesebuah perkhidmatan atau sesuatu kemudahan fizikal di sektor awam kurang dilakukan terutama yang melibatkan industri sukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kepuasan pengguna terhadap fasiliti fizikal di Kompleks Sukan Negeri Paroi. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui elemen kepuasan pengguna pelanggan dan faktor yang paling mempengaruhi kepuasan pengguna dan juga mengenalpasti tahap kepuasan pengguna pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan dan fasiliti fizikal secara keseluruhan yang disediakan kepada pengguna di kompleks sukan ini oleh pihak Majlis Bandaraya Seremban yang merupakan pengurus kompleks sukan ini. Kajian soal selidik telah dilakukan dengan mengedarkan 250 set borang selidik kepada pengguna dalaman (staf MBS) dan pengguna luaran secara rawak. Terdapat tiga kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah analisis kekerapan, analisis deskriptif dan analisis taburan silang (crosstabulation analysis). Analisa kualiti perkhidmatan (Servqual) juga digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kualiti perkhidmatan dan kemudahan di Kompleks Sukan secara keseluruhannya adalah sederhana dan perlu banyak dibuat penambahbaikan, penyenggaraan di samping perlu untuk meningkatkan kualiti peralatan yang disediakan memandangkan ini adalah faktor terpenting dalam mempengaruhi kepuasan pengguna yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan di Kompleks Sukan. Oleh itu tahap kualiti perkhidmatan perlu ditingkatkan agar dapat mencapai satu tahap kepuasan pengguna pelanggan selaras dengan kehendak mereka. Hasil kajian ini boleh memberikan panduan kepada MBS untuk merangka pelan pemulihan Kompleks Sukan agar dapat meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan menjadi cemerlang pada masa akan datang bersetujuan dengan naik taraf perbandaran kepada Bandaraya.

ABSTRACT

User or customer satisfaction is an important aspect that is often given high regards by service providers where the quality of services provided by an organization can be evaluated and improved based on the opinions of users or customers. Studies on users satisfaction of a service or a physical facility in the public sector are lacking, especially those involving sports industry. Therefore, this study aims to determine the level of users satisfaction on the physical facilities at the Paroi State Sports Complex. The objectives of this study are to identify the elements of users satisfaction and the factors that most influence users satisfaction and also to determine the level of users satisfaction on the quality of service and overall physical facilities provided to the users in this sports complex by the Seremban City Council which is the manager of the sports complex. A survey is conducted by distributing 250 sets of questionnaires to internal users (MBS staffs) and random users. There are three methods of analysis used in this study namely frequency analysis, descriptive analysis and crosstabulation analysis. Service quality analysis (Servqual) is also used in this study. The findings show that the level of quality of services and facilities at the Sports Complex as a whole is modest and requires a lot of improvements, maintenance as well as the need to improve the quality of the equipment provided as these are the most important factors that affect the satisfaction of users who utilise the facilities and services in the Sports Complex. Therefore, the quality of service needs to be improved in order to achieve a satisfactory level in coherence with their needs. The results of this study can provide a guidance to MBS in formulating a Sports Complex ability plan to improve the level of quality of service to excellent in the future in line with municipal upgrades to the City status.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI SIMBOL	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Matlamat Kajian	10
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.7.1 Kerajaan Negeri	11
1.7.2 Majlis Bandaraya Seremban (MBS)	11
1.7.3 Pengguna Fasiliti (Dalaman dan Luaran)	12
1.8 Susun Atur Bab	12
1.8.1 Bab 1: Pengenalan	12
1.8.2 Bab 2: Konsep Kepuasan Pelanggan Dan Penyampaian Perkhidmatan	12
1.8.3 Bab 3: Kawasan Kajian dan Metodologi Kajian	13

1.8.4	Bab 4: Analisis Data	13
1.8.5	Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan	13
1.9	Kesimpulan	15
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Fasiliti	17
2.2.1	Fasiliti Fizikal	19
2.2.2	Fasiliti Kompleks Sukan	19
2.3	Pengurusan Fasiliti	20
2.3.1	Pengurusan Fasiliti Sukan	24
2.4	Proses Pengurusan Fasiliti	25
2.5	Definisi Pelanggan atau Pengguna	27
2.6	Teori Kepuasan Pelanggan	28
2.6.1	Kepuasan Pelanggan Dalaman	32
2.6.2	Kesetiaan Pelanggan	32
2.6.3	Pengukuran Kepuasan Pelanggan	32
2.6.4	Model Pengukuran Kepuasan Pengguna	34
2.6.5	Faktor Mempengaruhi Kepuasan Pelanggan	39
2.6.6	Harapan Pelanggan	41
2.7	Kajian - Kajian Terdahulu	42
2.8	Kesimpulan	44
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Kajian Metodologi	48
3.2.1	Peringkat Pertama: Mengenalpasti Masalah dan Pengenalan Kajian	49
3.2.2	Peringkat Kedua: Kajian Literatur	49
3.2.3	Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data	50
3.2.4	Peringkat Keempat: Analisis Kajian	55
3.2.5	Peringkat Kelima: Kesimpulan dan Cadangan	59

3.3	Kesimpulan	59
BAB 4	KAWASAN KAJIAN	61
4.1	Pengenalan	61
4.2	Latarbelakang Negeri Sembilan	61
4.2.1	Latarbelakang Kawasan Kajian	62
4.3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	63
4.3.1	Majlis Bandaraya Seremban	64
4.3.2	Perkhidmatan MBS	69
4.3.3	Kemudahan dan Fasiliti	69
4.4	Kompleks Sukan di Negeri Sembilan Darul Khusus.	74
4.4.1	Kompleks Sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan	74
4.4.2	Kompleks Sukan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	77
4.5	Fasiliti dan Kemudahan Sukan	81
4.5.1	Pusat Akuatik Negeri	82
4.5.2	Kompleks Renang Awam	82
4.5.3	Centre Court	83
4.6	Kesimpulan	83
BAB 5	ANALISA KAJIAN	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	86
5.3	Analisa Kaedah Kaji Selidik	88
5.3.1	Analisa Data Demografi Responden dan Pola Penggunaan Pengunjung (Bahagian A dan B)	89
5.3.2	Analisa Tahap Kepuasan Pengguna (Bahagian C dan D)	97
5.3.3	Analisis Indeks Kepentingan Relatif (RII)	100
5.3.4	Analisa Faktor Yang Paling Mempengaruhi Kepuasan Pengguna (Bahagian E)	106
5.3.5	Analisa Taburan Silang (Cross Tabulation)	108
5.3.6	Analisa Kadar Harga Tiket – Bahagian D	112
5.3.7	Analisa Cadangan Penambahbaikan (Bahagian F) – Soalan Terbuka	114
5.4	Analisa Kaedah Temubual Pakar – Objektif Ketiga	116

5.5	Kesimpulan	120
BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	123
6.1	Pengenalan	123
6.2	Penemuan Kajian	124
6.3	Ringkasan Analisis dan Penemuan Kajian	125
6.3.1	Penemuan Objektif Pertama	125
6.3.2	Penemuan Objektif Kedua	126
6.3.3	Penemuan Objektif Ketiga	129
6.4	Cadangan Daripada Penemuan Kajian	131
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	132
6.6	Sumbangan Kajian	133
6.7	Kesimpulan	135
RUJUKAN		137

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Konsep Pengurusan Fasiliti (FM)	22
Jadual 2.2	Aspek - Aspek Pengurusan Fasiliti Berdasarkan Kepuasan Pelanggan	26
Jadual 2.3	Definasi Kepuasan Pelanggan	29
Jadual 2.4	Faktor-Faktor Kepuasan Pelanggan	40
Jadual 2.5	Kajian Terdahulu Berkaitan Kepuasan Pelanggan	42
Jadual 3.1	Bahagian Soalan Soal Selidik	52
Jadual 3.2	Data-data Sekunder	54
Jadual 3.3	Julat Indeks Faktor-faktor Mempengaruhi Kepuasan Pengguna	57
Jadual 3.4	Skala Pengukuran Likert	58
Jadual 4.1	Kemudahan dan Fasiliti MBS	70
Jadual 4.2	Piagam Pelanggan Kelulusan Tempahan Kemudahan Sukan MBS	72
Jadual 4.3	Kadar sewaan mengikut kemudahan sukan	73
Jadual 5.1	Keputusan Ujian Cronbach's Alpha	86
Jadual 5.2	Taburan Status Perkhidmatan Responden	91
Jadual 5.3	Taburan Kawasan Tempat Tinggal Responden	93
Jadual 5.4	Taburan Kekerapan Mengunjungi Kompleks Sukan Negeri Paroi	94
Jadual 5.5	Taburan Tempoh Penggunaan Kemudahan Kompleks Sukan	96
Jadual 5.6	Taburan Waktu Berada dan Menggunakan Kemudahan di Kompleks Sukan	96
Jadual 5.7	Taburan Jenis Fasiliti Yang Digunakan	97
Jadual 5.8	Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kepuasan	97
Jadual 5.9	Julat Indeks Tahap Kepuasan Pengguna Kompleks Sukan Negeri Paroi	101
Jadual 5.10	Interpretasi skor min – skala 5	104
Jadual 5.11	Analisa Tahap Kualiti Perkhidmatan Fasiliti Sukan	104

Jadual 5.12 Rumusan Tahap Kualiti Perkhidmatan Fasiliti Sukan	106
Jadual 5.13 Penetapan Indeks Keutamaan	107
Jadual 5.14 Elemen-elemen Kepuasan Pengguna	107
Jadual 5.15 Perkaitan Jenis Perkhidmatan (bahagian A) dengan Tahap Kepuasan Pengguna (Bahagian C)	109
Jadual 5.16 Keputusan Kesesuaian Harga Tiket Masuk Yang Ditetapkan	113
Jadual 5.17 Alasan Tidak Berpuas Hati Terhadap Kadar Harga Tiket	114
Jadual 5.18 Maklumat dan Keterangan Pakar	117
Jadual 5.19 Rumusan Analisa Soalan Temubual	117

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.2	Carta Alir	14
Rajah 2.1	Model Kepuasan Pelanggan	35
Rajah 2.2	Model Expectation-Perception Gap	36
Rajah 2.3	Model Kualiti Perkhidmatan	38
Rajah 2.4	Model Kerangka Teori Kajian	46
Rajah 3.1	Lima (5) Peringkat Metodologi Yang Dijalankan	48
Rajah 3.2	Kerangka Pengumpulan Data	50
Rajah 4.1	Peta Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban	64
Rajah 4.2	Struktur Organisasi MBS	68
Rajah 4.3	Kompleks Belia dan Sukan Paroi	75
Rajah 4.4	Kompleks Rakan Muda Jempol	75
Rajah 4.5	Kompleks Rakan Kuala Pilah	76
Rajah 4.6	Kompleks Sukan Komuniti Rantau	76
Rajah 4.7	Kompleks Sukan Komuniti Simpang Pertang	77
Rajah 4.8	Kompleks Sukan Tan Sri Dr Hj Mohd Said Seremban 2	78
Rajah 4.9	Kompleks Sukan Negeri Paroi	78
Rajah 4.10	Pusat Aquatik Negeri	79
Rajah 4.11	Kompleks Renang Awam	80
Rajah 4.12	Center Court	81
Rajah 5.1	Analisa Jantina Responden	89
Rajah 5.2	Analisis Umur Responden	90
Rajah 5.3	Analisis Tahap Pendidikan Responden	91
Rajah 5.4	Analisis Jenis Perkhidmatan Responden	92
Rajah 5.5	Analisis Kawasan Tempat Tinggal Responden	93
Rajah 5.6	Rajah Taburan Kekerapan Mengunjungi Kompleks Sukan Paroi	95
Rajah 5.7	Kesesuaian Harga Tiket	113

SENARAI SINGKATAN

<i>BIFM</i>	-	<i>British Institute of Facilities Management</i>
<i>CFM</i>	-	<i>Centre for Facilities Management</i>
<i>COB</i>	-	Unit Pesuruhjaya Bangunan
<i>DYMM</i>	-	Duli Yang Maha Mulia
<i>EU</i>	-	Kesatuan Eropah
<i>FM</i>	-	Pengurusan fasiliti
<i>FMAA</i>	-	Facilities Management Association of Australia
<i>ICT</i>	-	Teknologi maklumat dan komunikasi
<i>IFMA</i>	-	International Facilities Management Association
<i>KOMBES</i>	-	Kompleks Belia dan Sukan
<i>LA21</i>	-	Local Agenda 21
<i>MBS</i>	-	Majlis Bandaraya Seremban
<i>MPN</i>	-	Majlis Perbandaran Nilai
<i>MPS</i>	-	Majlis Perbandaran Seremban
<i>OSC</i>	-	Unit Pusat Setempat
<i>PAN</i>	-	Pusat Akuatik Negara
<i>PBT</i>	-	Pihak Berkuasa Tempatan
<i>Phd</i>	-	Doktor Falsafah
<i>PRANS</i>	-	Persatuan Amatur Negeri Sembilan
<i>RICS</i>	-	Royal Institute Chartered Surveyors
<i>RII</i>	-	Indeks Kepentingan Relatif
<i>RMK-9</i>	-	Rancangan Malaysia Ke Sembilan
<i>SERPERF</i>	-	Model kualiti perkhidmatan
<i>SERVQUAL</i>	-	Model kepuasan pelanggan
<i>SOP</i>	-	Standard of Procedure
<i>SPM</i>	-	Sijil Pelajaran Malaysia
<i>SPSS</i>	-	Statistical Package for Social Science
<i>SUKMA</i>	-	Sukan Malaysia
<i>SWCORP</i>	-	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
<i>UTM</i>	-	Universiti Teknologi Malaysia

KPI	-	Petunjuk prestasi utama
RFP	-	Permintaan untuk cadangan
CCTV	-	Litar kamera tertutup
QR Code	-	Sistem imbasan kod

SENARAI SIMBOL

N	-	Jumlah populasi
e	-	Aras keyakinan
%	-	Peratus

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik 1	147
Lampiran B	Borang Soal Selidik 2	152
Lampiran C	Keputusan Analisa	157

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kompleks sukan adalah aset tumpuan awam yang membawa kepada penggunaan semasa. Disini penggunaan aset kompleks sukan hendaklah selari dengan tuntutan tahap pengguna semasa. Penyediaan sesuatu fasiliti dalam keadaan baik adalah untuk memberi keselesaan kepada pengguna. Setiap organisasi hendaklah senantiasa positif dalam menyediakan fasiliti yang terbaik dan mutu perkhidmatan yang tinggi bagi memenuhi keselesaan dan kepuasan pengguna. Fasiliti yang berfungsi dengan baik akan memberi pulangan yang tinggi kepada pengguna sama ada pengguna dalaman atau pengguna luaran. Menurut Chang dan Kelly (1994), kepuasan pelanggan bukan sahaja merujuk kepada pengguna akhir bagi sesuatu produk atau perkhidmatan tetapi ia juga mengambilkira pengguna dalaman termasuklah orang yang bekerja dalam organisasi tersebut.

Fasiliti yang berkaitan dengan sukan semakin mendapat perhatian. Dalam memastikan kelangsungan industri sukan, perancangan yang teliti perlu disediakan untuk memastikan prestasi fasiliti fizikal dalam keadaan baik dan mencapai objektif penubuhannya. Fasiliti yang berpusat atau berada di bawah satu bumbung akan memudahkan pengurusan, penyenggaraan dan pemantauan dalam memberikan kepuasan kepada pengguna. Pengurusan fasiliti yang efisyen dan berjadual akan memberikan pulangan bukan sahaja kepada pengguna bahkan kepada fasiliti tersebut dari segi jangka hayat dan fungsinya. Pelbagai cara boleh digunakan dalam pengurusan fasiliti untuk meningkatkan prestasi penggunaan fasiliti tersebut.

Berdasarkan Gill Fried (2010), dalam penggunaan kompleks sukan terdapat 6 elemen utama yang perlu di ambilkira iaitu konsep, perancangan, rekabentuk, pembinaan, operasi dan penambahbaikan. Elemen-elemen ini menjadikan sesebuah

kompleks sukan mampu memberikan kemudahan kepada pengguna dan menepati ciri-ciri sesebuah kompleks sukan yang unggul dan aset-aset yang menepati tuntutan pemiliknya tersendiri. Manakala berdasarkan kepada Manual Dasar Aset Negara (2009), antara permasalahan sesuatu aset kerajaan itu adalah isu *vandalism* dan salah guna yang mengganggu gugat tahap hayat, kualiti dan perkhidmatan sepanjang hayat fizikal aset tersebut.

Berdasarkan kepada kajian King (1999), kesedaran akan kepentingan kemudahan fasiliti dalam keadaan baik adalah dengan membina dan pengubahsuaian kepada fasiliti supaya berada dalam kebolehfungsian yang terbaik dan selamat. Kajian-kajian ini disokong oleh Hooi, Perry, Shah & Matt (2004) yang turut menyatakan bahawa pengguna hanya akan berminat menggunakan fasiliti-fasiliti yang ditawarkan di dalam sesebuah stadium bilamana ianya menepati ciri-ciri dan kebolehfungsian yang mampu memberikan keselesaan kepada pengguna. Manakala menurut Al- Hammad et al (1997) dan Horner et al (1997), dalam mengekalkan penjagaan yang baik, bangunan perlu kerap di selenggara dan perlulah berterusan dan dilaksanakan dengan cekap.

Menurut Rozana (2005) pula, ketidakcekapan pengurusan fasiliti yang dilakukan oleh bahagian pengurusan fasiliti boleh menyebabkan keadaan fasiliti berada di dalam keadaan rosak dan tidak boleh berfungsi dengan baik. Tambahannya lagi, pengurusan fasiliti yang tidak cekap bukan sahaja mengganggu aktiviti organisasi, malahan ianya juga akan meningkatkan kos perbelanjaan mengurus serta pembaikan. Fasiliti yang diuruskan dengan baik dapat memberi keselesaan dan kemudahan kepada pengguna dalam menjalankan aktiviti organisasi mereka. Oleh itu, penilaian prestasi adalah perlu bertujuan untuk menilai tahap prestasi sesebuah bangunan itu. Prestasi-prestasi ini berkait rapat dengan kepuasan pelanggan, dimana ianya sebagai sebahagian daripada komponen utama dalam perkhidmatan pelanggan.

Menurut penulisan Mohd Najib Basiran (2002), masalah pengurusan penyenggaraan adalah masalah yang utama yang menjadi faktor kepada kerja penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Oleh itu, perancangan pengurusan fasiliti yang dilakukan haruslah selaras dengan keperluan

yang disediakan supaya pengurusan yang dilaksanakan bertepatan dengan kehendak pengguna.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam pembentangan belanjawan Negara sering kita dengar Kerajaan memperuntukan sejumlah dana untuk penyediaan infrastruktur negara bagi keselesaan rakyat. Kerajaan telah membelanjakan berbillion ringgit bagi penyediaan pelbagai kemudahan asas di dalam dan di luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di dalam negara kita. Semua kemudahan yang disediakan perlu kepada penyelenggaraan yang baik bagi menjamin jangka hayat yang lebih lama dan menjadikannya berada dalam keadaan baik, selamat digunakan malahan boleh menyediakan suasana tempat yang selesa dan menjimatkan perbelanjaan. Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2003), kos perbelanjaan yang tinggi terpaksa di keluarkan bagi membaikpulih dan membina semula kemudahan yang telak rosak sekiranya penyelenggaraan tidak diberi perhatian sewajarnya.

Keperluan kepada penyelenggaraan yang baik adalah untuk memastikan setiap kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan tersebut dapat digunakan sebaik mungkin oleh golongan sasaran. Kemudahan infrastruktur yang baik merupakan aset penting bagi menjana pembangunan ekonomi. Keadaan infrastruktur yang sentiasa sempurna dan berkualiti mencerminkan tahap kecekapan sesebuah agensi kerajaan, lebih-lebih lagi yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan ataupun “*service delivery*”.

Stadium dan kompleks sukan merupakan satu kemudahan di mana aktiviti rekreasi dan acara sukan dilakukan. Segala aktiviti seperti larian balapan, bola sepak, renang, bola tampar, badminton dan lain-lain dilakukan sebaiknya di dalam stadium dan kompleks sukan kerana kemudahan fasiliti yang disediakan di kompleks sukan mencukupi dengan keperluan penggunaannya. Dengan adanya acara sukan dan aktiviti rekreasi yang dilakukan, secara tidak langsung dapat menjana keuntungan yang

diperoleh daripada pengunjung yang menggunakan fasiliti ini disamping dapat meningkatkan pendapatan pada kompleks sukan itu sendiri.

Menurut King (1999), peminat-peminat sukan telah mula sedar dalam menjangkakan keselesaan daripada kemudahan- kemudahan sukan, membuatkan ia perlu untuk pihak pengurusan membina dan mengubahsuai kemudahan-kemudahan pada tahap yang lebih baik supaya kemudahan itu sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Menurut Al- Hammad et al (1997) dan Horner et al (1997), bangunan perlu kerap di selenggara dan penyenggaraan adalah salah satu kunci kepada aktiviti utama di kebanyakan negara. Dengan itu, penyenggaraan dan penjagaan kemudahan sukan yang ada perlulah berterusan dan dilaksanakan dengan cekap kerana ia mampu mengurangkan kos pembaikan.

Pada hari ini, keperluan kepada kerja penyenggaraan dalam fasiliti kompleks sukan tidak dapat di lakukan dengan baik kerana terdapat kekangan seperti kekurangan kos penyenggaraan, kekurangan peruntukan, persekitaran fizikal perkhidmatan dan penyenggaraan dibuat dengan tidak teratur dan tidak memenuhi kehendak pengguna. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohd Sabri (2005), masalah-masalah bangunan sering dikaitkan dari segi pembentukan struktur organisasi, pelaksanaan kerja penyenggaraan, pengawalan dan juga masalah perancangan kerja-kerja penyenggaraan.

Di dalam tempoh RMK-9, peruntukan sebanyak RM620.8 juta dan sebanyak RM299.9 juta atau 48.3 peratus adalah untuk membina kompleks sukan dan pelbagai guna, RM280.9 juta atau 51.7 peratus adalah kerja- kerja bagi menaik taraf, menambah dan menyenggara kemudahan sukan yang sedia ada di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri. Jelas menunjukkan bahawa kemudahan bagi fasiliti sukan adalah penting bagi meningkatkan industri sukan setiap negara. Namun adakah fasiliti yang disediakan ini mencukupi dan memenuhi kehendak pengguna yang menggunakannya dan mampu menarik pengguna untuk setia berkunjung ke kompleks sukan tersebut.

Menurut Williams (1996), pengukuran prestasi fasiliti bagi sesebuah organisasi adalah berdasarkan kepada tiga komponen iaitu fizikal, fungsional dan kewangan. Dengan adanya tiga komponen yang dinyatakan di atas, pengukuran fasiliti dapat dibuat dengan lebih berkesan dan sekali gus dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan. Menurut (Ilhaamie, Zainal dan Yuserrie, 2009) kualiti perkhidmatan merupakan dimensi penting terhadap prestasi perkhidmatan di dalam sektor awam kerana output utama sektor awam ialah perkhidmatan. Hal ini juga berkaitan dengan Paauwe dan Boselie, (2005) yang menyatakan bahawa prestasi organisasi adalah pelbagai dimensi dan salah satu dimensi bagi prestasi organisasi iaitu kualiti perkhidmatan (Dyer dan Reeves, 1995) Dengan yang demikian, segala perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan oleh pihak pengurusan fasiliti adalah saling berkaitan dengan prestasi. Dengan ini, segala kerja-kerja penyenggaraan dapat dipantau dari segi perspektif pengguna perkhidmatan.

Menurut Cooper (2001) menyatakan bahawa bangunan yang telah siap dibina dengan yang cara sistem baru tetapi tidak melihat sebarang hasil ditunjukkan, dan tiada proses untuk memperolehi maklum balas daripada prestasi bangunan, bangunan itu akan kekal sebagai prototaip. Kajian terawal berkaitan perkara ini telah di buat oleh Chang dan Kelly (1994) iaitu dalam usaha untuk mendapatkan mutu perkhidmatan atau penyediaan kemudahan yang terbaik, sesebuah organisasi mestilah mampu untuk memenuhi keperluan setiap pelanggan sama ada pelanggan dalaman maupun pelanggan luaran. Kepuasan pelanggan tidak hanya bergantung kepada pengguna terakhir sesuatu organisasi atau produk, tetapi bergantung juga kepada orang yang berada di dalam organisasi itu, bagaimana mereka bekerja bagi menghasilkan sesuatu produk atau memberikan perkhidmatan.

Perkhidmatan pelanggan merupakan satu tingkahlaku dan sifat sesebuah syarikat dan pekerjanya terhadap pelanggan semasa proses interaksi dan komunikasi di antara satu sama lain (Swartzlander, 2004). Masih kurang kajian dijalankan dalam melihat perkhidmatan pelanggan khususnya antara pelanggan dalaman dengan pelanggan luaran di dalam agensi atau sektor kerajaan di sesebuah negara terutama bagi fasiliti dibawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

Menurut De Jager dan Gbadamosi (2010), kepuasan pelanggan adalah berkait rapat dengan hubungan kualiti perkhidmatan yang disediakan. Ini bermaksud perkhidmatan yang disediakan tidak seperti yang diinginkan atau dijangka akan menyebabkan pelanggan berasa tidak berpuas hati kepada perkhidmatan yang disediakan (Shahid Bashir et al, 2012). Manakala kajian Phung (2014) terhadap kepuasan pengguna fasiliti di Universiti, menyatakan apabila pihak universiti tidak mengambil tindakan memperbaiki atau memulihkan fasiliti yang disediakan berdasarkan tahap ketidakpuasan pelajar sebagai pengguna maka keperluan pelajar juga tidak dipenuhi.

Menurut Shank (1999), industri sukan adalah industri yang kian membangun pada abad ini dan sehubungan dengan itu, bagi memastikan aktiviti sukan seiring dengan perkembangannya, penyenggaraan fasiliti yang sedia ada haruslah ditingkatkan. Bagi mengekalkan industri sukan ini terus berkembang, pelbagai cara yang dilakukan secara umumnya bagi mengekalkan prestasi di dalam fasiliti yang disediakan. Segala keperluan bagi menangani prestasi pengurusan penyenggaraan fasiliti terus meningkat dengan membuat penambahbaikan terhadap pengurusan penyenggaraan fasiliti kompleks sukan supaya dapat memberi kepuasan kepada penggunanya.

Isu yang timbul mengenai penyenggaraan fasiliti kompleks sukan yang tidak efisyen seperti isu tandas kotor, bilik persalinan tidak boleh digunakan, keadaan bumbung tidak selamat, keadaan kolam renang dan gelanggang yang tidak memuaskan, tiada lampu limpah, kekurangan kemudahan fizikal sukan dan sebagainya. Menjadi satu masalah jika sesuatu fasiliti di dalam kompleks sukan itu sendiri disalahgunakan dan rosak semasa pengguna ingin menggunakan kemudahan sesuatu fasiliti.

Kepuasan pelanggan berhubung Aset Kompleks Sukan di dalam Negara ini turut menjadi isu akhir-akhir ini. Antara rungutan dan aduan yang sering kali diperkatakan adalah berkenaan dengan keadaan infrastruktur atau fasiliti yang disediakan seperti tandas kotor, tombol pintu rosak, harga tiket mahal dan banyak peralatan telah usang dan rosak.

Bagi Kompleks Sukan Paroi Negeri Sembilan dimana kajian ini dijalankan, fungsi Pusat Akuatik Negara (PAN) didapati tidak memenuhi tahap kepuasan pelanggan. Ianya sebagai mana laporan daripada Malaysiakini bertarikh 14 Mei 2019, “Persatuan Amatur Negeri Sembilan (PRANS) meminta kerajaan negeri menaiktaraf dan membaik-pulih Pusat Akuatik Negeri (PAN), Paroi di Seremban memandangkan segala alatan dan kemudahan renang di situ didapati telah lama dan usang. Papan skor elektronik dan pad sentuh perlu ditukar baharu kerana sudah tidak berfungsi. Kesemua alatan dan kemudahan renang di PAN ini telah mula digunakan sejak Negeri Sembilan menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2004 dan tidak pernah diganti sehingga hari ini.”

Isu pertama yang timbul adakah kemudahan dan perkhidmatan dalaman yang disediakan di dalam Kompleks Sukan ini mampu memberikan kepuasan kepada pengguna kerana permasalahan dalam pengurusan Pusat Akuatik Negari, Kompleks Renang dan *Centre Court* masih lagi tidak dapat diselesaikan. Ini di sokong dengan maklumat yang diperolehi melalui semakan di Majlis Bandaraya Seremban terhadap data aduan pengguna kompleks sukan ini dari tahun 2015 hingga 2020 menunjukkan hanya satu (1) aduan dibuat pada tahun 2019 berhubung isu tandas kotor dan peralatan di bilik persalinan yang banyak rosak. Adakah pengguna benar-benar berpuashati dengan fasiliti yang disediakan? Oleh itu elemen kepuasan pengguna dan faktor-faktor kritikal perlu dikenalpasti dan diperbaiki segera dalam memberikan tahap kepuasan kepada pelanggan.

Bangunan dan fasiliti di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan aset organisasi yang amat bernilai, walau bagaimanapun ia dilihat sebagai aset yang kurang dititik beratkan dan jarang diurus dengan sempurna. Kegagalan dan ketidaksempurnaan penyenggaraan premis dan bangunan kerajaan boleh memberi kesan negatif kepada setiap rakyat yang telah berada di dalam persekitaran tersebut. Oleh itu amat penting bagi kita menekankan keberkesanan pengurusan penyenggaraan fasiliti di PBT bagi menjamin kehidupan rakyat yang sempurna dan berkualiti.

